

Eksport kayu catat RM22.65b

4m 5/6/08
KUALA LUMPUR 4 Jun - Industri berasaskan kayu tempatan menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila mencatatkan eksport RM22.65 bilion dalam tahun 2007 atau pertumbuhan 60 peratus berbanding 10 tahun lepas, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Kohilan Pillay.

“Produk perabot sahaja menyumbang RM6 bilion yang dieksport ke 160 buah negara di seluruh dunia. Destinasi eksport terbesar adalah Amerika Syarikat dengan nilai eksport berjumlah RM2 bilion atau 30 peratus dari keseluruhan nilai eksport perabot berasaskan kayu,” katanya.

Beliau berkata kemampuan mencatatkan prestasi eksport yang tinggi itu membantu menarik minat pelabur termasuk pelabur baru dalam sektor perkayuan negara dengan jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun lepas sebanyak RM933.4 juta, mewakili 23.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam industri berasaskan komoditi.

Daripada jumlah itu, RM539.1 juta adalah pelaburan domestik manakala RM394.3 juta pelabur asing, katanya.

Pillay berkata demikian ketika berucap pada Seminar mengenai Insentif untuk Sektor Industri berasaskan Kayu anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di sini hari ini.

Beliau berkata pembangunan industri kayu dalam tempoh Pelan Induk Perindustrian Ketiga (2006-2020) akan terus didorong oleh prestasi eksport.